

02 SEP 2003

PRESIDEN AFRIKA SELATAN DIBERI SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki yang tiba di sini petang semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, hari ini diberi sambutan negara di perkarangan bangunan Parlimen di sini.

Ketibaan Mbeki bersama isterinya Zanele Mbeki disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta menteri-menteri kabinet dan pegawai diplomatik asing.

Presiden itu turut memeriksa perbarisan kehormat yang terdiri daripada 103 pegawai dan anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Kamruzzaman Mohd Yunus, selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan dan 21 das tembakan dilepaskan.

Mbeki kemudiannya diperkenalkan kepada orang kenamaan sebelum berangkat meninggalkan perkarangan Parlimen untuk lawatan di sekitar ibu negara.

Presiden itu dijadual bertemu Perdana Menteri di Putrajaya hari ini, untuk membincangkan tentang isu-isu hubungan dua hala kedua-dua negara diikuti dengan rundingan peringkat delegasi.

-- BERNAMA

SNS AHH BK